



**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH** berkenan menyampalkan pedang kepada Pegawai Kadet Terbaik Palapes dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Muhammad Farid Embok Mosik pada Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet Palapes IPTA Ke-34 di UPM, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

## Teruskan kerjaya dalam ATM – Sultan Selangor

**KUALA LUMPUR 15 Ogos** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah agar semua Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) meneruskan kerjaya dalam angkatan tetap atau dalam pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selepas ditauliahkan.

Titah baginda, ini bagi memastikan ilmu yang diperoleh tidak disia-siakan sekali gus dapat menyumbang kepada pertahanan dan kesejahteraan negara dalam menghadapi sebarang ancaman daripada luar mahupun di dalam negara.

“Beta berkehendakkan segala ilmu yang diperoleh sepanjang menjadi Palapes digunakan bagi menghadapi sebarang cabaran pada masa akan datang.

“Oleh itu, ilmu ketenteraan yang dipelajari di dalam jangka waktu tiga tahun bersama-sama Palapes amatlah berguna dan perlu terus diperkembangkan lagi dalam pasukan simpanan yang akan disertai kelak,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian dalam Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet Palapes Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Ke-34 di Uni-

versiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Seramai 1,628 Pegawai Kadet yang merangkumi 1,153 Pegawai Kadet Darat, 231 Pegawai Kadet Laut dan 244 Pegawai Kadet Udara daripada 18 universiti awam menerima pentauliah dalam istiadat hari ini.

Sementara itu, baginda turut mengingatkan pegawai Palapes yang ditauliahkan supaya dapat meneruskan sumbangan bakti yang tinggi untuk negara dalam segala aspek di mana jua bagi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan daripada anasir-anasir tidak diinginkan.

Titah baginda, usaha kerajaan dalam menggarap modal insan berkualiti akan dapat dicapai jika mendapat komitmen jitu dari semua pihak.

“Yang penting beta mahu melihat di dalam negara bermasyarakat majmuk ini rakyat sentiasa hidup secara harmoni, bertoleransi dan berbaik-baik sesama sendiri.